

# Tiada yang akan ditarik

**Bantuan, inisiatif tetap diteruskan seperti biasa**

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU



Salahuddin menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima pada majlis berkenaan.

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan tiada sebarang bantuan atau inisiatif yang akan ditarik.

Perkara itu merujuk kepada Belanjawan 2019 dan jumlah peruntukan disalurkan yang dilihat berkurangan daripada tahun-tahun sebelum ini.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, tiada sebarang masalah untuk meneruskan perkara yang baik, tetapi untuk melaksanakannya ia perlu menjalani prosedur tepat dan dikawal.

Menurutnya, pendekatan subsidi bersasar adalah cara terbaik untuk memastikan setiap golongan memerlukan menerima

manfaat di samping mengelakkan ketirisan dan pembaziran.

"Tiada yang tarik, cuma kita akan laksanakan subsidi bersasar dan memberi fokus kepada golongan yang benar-benar perlu dan layak. Untuk proses ini kita akan lakukan pemutihan.

"Sebagai contoh, kita tidak

mahu beri kepada nelayan tetapi sebenarnya dia bukan nelayan. Berlaku ketirisan di situ," katanya ketika ditemui semasa menghadiri Majlis Sambutan Deepavali Parlimen Pulaui, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, buat masa ini proses pemutihan itu

telah dilaksanakan untuk industri nelayan yang mana selepas ini akan dikembangkan di beberapa sektor lain dalam kementerian-nya.

"Untuk nelayan jumlah sebelum ini kita ada dalam 54,000 dan selepas menjalani pemutihan kita dah putihkan kepada 40,000.

"Maknanya ada keperluan untuk kita buat pemutihan, kalau tidak nanti hasrat kerajaan untuk membantu golongan sasaran ini tidak akan tercapai," katanya.

Salahuddin berkata, kerajaan sentiasa bersikap terbuka dan tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan inisiatif hasil daripada kritikan atau pandangan yang dilontarkan.

Menurutnya, ia juga memba-bitkan sebarang pandangan dan kritikan diberikan pihak pembangkang.

"Sebagai sebuah kerajaan baharu, kita sememangnya terbuka untuk menerima sebarang teguran atau kritikan.

"Jadi apa pandangan diterima yang perlu kita perbaiki kita terbuka dengannya," katanya.